

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 05 April 2017 16:18
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Zakat Bantu Universiti Ringankan Bebanan Pelajar Kurang Berkemampuan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



5 APRIL 2017 / 8 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

ZAKAT BANTU UNIVERSITI RINGANKAN BEBANAN PELAJAR KURANG BERKEMAMPUAN



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima sumbangan zakat sebanyak RM 55,000 daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang berlangsung di Bilik Senat, tengah hari tadi.

Cek sumbangan zakat itu diserahkan oleh Ketua Pegawai Syariah Bank Islam/Ahli Pengurusan Bank Islam, Mohd Nazri Chik kepada Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Naib Canselor berkata, pemberian zakat tersebut merupakan amalan setiap tahun oleh BIMB sejak 2005 lagi untuk digunakan bagi membantu pelajar-pelajar UUM yang memerlukan termasuk pelajar antarabangsa yang datang dari negara bergolak.

Menurutnya, pada tahun lalu seramai 629 pelajar terdiri 611 pelajar tempatan dan 18 pelajar antarabangsa telah menerima bantuan zakat daripada UUM melibatkan jumlah sebanyak RM156,650.

"Mengikut statistik di UUM, seramai 11,680 pelajar siswazah (66 peratus) datang dari keluarga yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah dan merupakan penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan 364 pelajar (14 peratus) adalah pelajar antarabangsa.

"Bagi membantu golongan pelajar tersebut, kita menyediakan makanan percuma untuk pelajar ini kerana kita tidak mahu ada pelajar yang tidak makan sejak tahun lalu, malah ada pusat pengajian yang turut membantu menyediakan makanan percuma kepada mereka pada hari tertentu," katanya pada Majlis Penyerahan Zakat dan 40 Buku Kewangan Islam.

Tambah beliau lagi, kini UUM juga merupakan amil bagi pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah dan hasil diterima sebagai amil digunakan untuk menyalurkan bantuan kepada pelajar yang memerlukan, selain dalam usaha untuk mengadakan wakaf dan endowmen.

Katanya, sejak 2005, BIMB telah mengeluarkan zakat kepada UUM sebanyak RM240,000 dan berharap sumbangan tersebut akan berterusan dalam usaha membantu pelajar-pelajar universiti ini.

Pada majlis itu, BIMB turut menyumbang 40 buah buku rujukan tentang Kewangan Islam kepada Naib Canselor.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Noor Azizi Ismail; Bendahari, Amron Man; Timbalan Pendaftar, Baharudin Yaacob serta pegawai-pegawai kanan UUM dan BIMB.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.